

Wanita saksi suami tikam mati anak dalam pergaduhan berpunca masalah wang

# Anak beranak bertikam kerana duit

Oleh SHARKAWI LONDING

**JOHOR BAHRU** – Pertengkaran dua beranak yang sama-sama menganggur berpunca daripada masalah kewangan berakhir dengan tragedi apabila salah seorang daripada mereka mati ditikam dalam kejadian di sebuah rumah di Taman Ehsan Jaya, Desa Cemerlang di sini malam kelmarin.

Dalam kejadian pada pukul 7 malam, Azrul Hanafi, 23, mati selepas dia cedera di dada kiri. Mayat Azrul ditemui di ruang tamu rumah. Bapa Azrul yang berusia 54 tahun pula cedera terkena tikaman di dada kiri dan perut.

Azrul merupakan anak sulung daripada empat beradik. Kejadian menyedihkan itu disaksikan ibu mangsa, Nor Hasidah Hashim, 49.

Ketua Polis Daerah...



“Semasa ketibaan polis, bapa mangsa masih memegang pisau sambil duduk di sisi anaknya yang telah terbaring kaku

**JOKHIRI ABD. AZIZ**

semalam.

Selain itu, katanya, ibu mangsa yang juga isteri kepada suspek yang menjadi saksi kejadian tersebut juga duduk di sisi mayat anaknya yang terbaring di ruang tamu rumah.

“Selepas hampir sejam berunding dan memujuk, si bapa mangsa akhirnya menyerahkan diri sebelum dia ditangkap dan kemudian dihantar ke Hospital Sultan Ismail (HSI)



SEBAHAGIAN ahli keluarga Azrul menunggu jenazahnya dibedah siasat di Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru semalam.

Kesno  
24/11/16  
mls 2



RUMAH dua tingkat di Taman Ehsan Jaya, Desa Cemerlang di Johor Bharu, tempat dua beranak bergaduh sehingga seorang daripada mereka mati.

rah Seri Alam, Su-  
perintendan Johiri

JOKHIRI

Abd. Aziz berkata, siasatan tragedi itu dikatakan berpunca daripada mangsa yang didakwa tidak berpuas hati dengan bapanya berkaitan kewangan.

Menurut beliau, masalah dan perselisihan faham antara kedua-dua beranak yang tidak bekerja itu sudah lama dan pergaduhan malam kelmarin merupakan kemuncaknya.

“Ketika polis tiba di rumah teres dua tingkat itu, kita mengambil masa kira-kira sejam untuk memujuk dan berunding dengan si bapa yang enggan menyerah diri.

“Semasa ketibaan polis, bapa mangsa masih memegang sebilah pisau sambil duduk di sisi anaknya yang telah terbaring kaku,” kata beliau ketika dihubungi di sini

untuk mendapatkan rawatan,” katanya.

Jokhiri memberitahu, pihaknya tidak menolak kemungkinan motif kejadian tersebut berpunca daripada perselisihan faham yang sudah lama berlarutan dalam keluarga tersebut.

Katanya, semasa pergaduhan tersebut, mangsa didakwa telah mencapai pisau di dapur sebelum dia dan bapanya bergelut.

Dalam keadaan tegang, Jokhiri memberitahu, bapa mangsa turut cedera akibat terkena tikaman sebelum mangsa pula rebah dengan kecederaan di dada.

Katanya, kehidupan keluarga tersebut disara dan ditanggung isteri suspek yang bekerja sebagai pembantu kantin di sebuah kilang di sini.

Tiga lagi anak pasangan itu yang berusia antara 13 hingga



**AZRUL (gambar kecil)** ditemui mati di ruang tamu rumah selepas bergaduh dengan bapanya malam kelmarin.

17 tahun masih bersekolah dan semasa kejadian mereka dikatakan berada di tingkat atas rumah tersebut.

Polis menahan reman pe-

nganggur itu berusia 54 tahun itu sehingga 29 November ini dan kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

INFO

Kes-kes bapa bunuh anak

**6 Oktober 2011** - Seorang pengurus bank dipercayai memukul anak lelakinya berusia 20 tahun sampai mati sebelum mencampak mayat anaknya itu ke dalam parit di Muar, Johor

**30 Januari 2014** - Seorang kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun dikelak hingga mati oleh bapanya dalam kejadian di Seksyen 4, Bandar Baru Bangi, Selangor

**9 Disember 2014** - Seorang bapa ditahan kerana dipercayai membunuh anak sulungnya yang merupakan remaja lembam berusia 21 tahun di Parit Buntar, Perak

**29 Mac 2015** - Seorang bapa membunuh anaknya sendiri sebelum menanam mayat mangsa di bawah lantai dapur sebuah rumah di Kepong, Selangor

**20 Februari 2016** - Akibat berang dengan tindakan isteri meminta wang untuk membeli barang keperluan dapur, seorang lelaki warga Filipina sanggup melepaskan geram dengan menikam anak lelakinya yang sedang lena tidur di sebuah rumah di Keningau, Sabah